

PENGESAHAN

LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2023

UNIT FISIOTERAPI, HOSPITAL KANOWIT

DISEDIAKAN OLEH:

STELLA LIS AK JOEFFELWIND

JURUPULIH PERUBATAN FISIOTERAPI U29

Disediakan oleh:

STELLA LIS ANAK JOEFFELWIND
Jurupulih Perubatan Fisioterapi U29
Unit Fisioterapi
Hospital Kanowit

(Stella Lis Anak Joeffelwind Mapus)

Jurupulih Perubatan Fisioteapi U29

Tarikh: 22/3/24

Disemak oleh:

DR. BERNADETTE SYONNA BT. JARU SAWAT
PENGARAH HOSPITAL,
HOSPITAL KANOWIT.
MMC NO.61590

Pengarah Hospital

Tarikh: 25/3/24

PENGENALAN

Unit Fisioterapi Hospital Kanowit mula ditubuhkan pada tahun 2008. Pada mulanya unit ini hanya mempunyai seorang ahli Fisioterapi dan dibantu seorang Pembantu Parawatan Kesihatan. Pada Oktober 2012, satu jawatan baru untuk Jurupulih Perubatan Fisioterapi U29 diwujudkan. Kini terdapat dua orang Jurupulih Perubatan Fisioterapi dan seorang Pembantu Perawatan Kesihatan.

Hospital Kanowit merupakan hospital tanpa pakar dan mempunyai 4 wad perubatan iaitu wad bersalin, wad kanak-kanak, wad perempuan dan wad lelaki. Jumlah katil di wad Hospital Kanowit adalah sebanyak 100 buah katil. Doktor pakar dari Hospital Sibu akan mengadakan lawatan setiap 3 bulan ke Hospital Kanowit. Antara doktor pakar yang melawat secara berkala ialah Pakar Psikiatri, Pediatrik (bersama KKIA Kanowit), Rehabilitasi dan Medikal.

Rawatan yang disediakan unit Fisioterapi ialah rawatan pesakit luar iaitu menggunakan sistem temujanji dan rawatan untuk pesakit dalam iaitu pesakit di dalam wad. Selain itu Unit Fisioterapi juga terlibat dengan program CBR (community Base Rehab) bersama dengan MCH Kanowit. Unit Fisioterapi juga terlibat dengan *MDT clinic* setiap 3 bulan di klinik MCH Kanowit. Unit Fisioterapi ini juga ada membuat 'home visit' ke rumah pesakit sekiranya terdapat rujukan dari Doktor Pakar, biasanya bersama dengan kakitangan MCH Kanowit bagi kes pediatrik terlantar atau yang mempunyai isu logistik.

Berikut merupakan senarai nama kakitangan di Unit Fisioterapi:

NAMA	JAWATAN
STELLA LIS AK JOEFFELWIND	JURUPULIH PERUBATAN FISIOTERAPI U29
COLLISK AK SUAI	JURUPULIH PERUBATAN FISIOTERAPI U29
JENIFFER ANAK NURIE	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN U11

WAKTU OPERASI UNIT FISIOTERAPI

BAHAGIAN	HARI	MASA	SISTEM RAWATAN
Pesakit Luar	Isnin – Jumaat (kecuali cuti umum)	8 pagi – 5 petang	Mengikut temujanji
Pesakit Dalam	Isnin – Jumaat (kecuali cuti umum)	8 pagi – 5 petang	Bila ada surat rujukan doktor dari wad.
CBR	Isnin – Jumaat (kecuali cuti umum)	8 pagi – 5 petang	Mengikut temujanji


Bahagian Pesakit Luar dikendalikan seorang Jurupulih Fisioterapi manakala bahagian Pesakit Dalam dan CBR dikendalikan oleh seorang lagi Jurupulih Fisioterapi. Kadar rujukan pesakit dalam pula purata 2-3 orang sehari. Berbanding pesakit luar kadar purata pesakit yang datang adalah dalam lingkungan 5-8 orang sehari. *Rotation* bahagian pesakit akan ditukar setiap 6 bulan untuk memastikan setiap Jurupulih dapat merasai suasana kerja yang berbeza, dapat meningkatkan *clinical skill* dan seterusnya

mengelakkan seseorang ahli Jurupulih itu kehilangan sesetengah *clinical skill* jika tidak dipraktikkan terlalu lama.


PENCAPAIAN SEBENAR BEBAN KERJA UNIT FISIOTERAPI HOSPITAL KANOWIT DARI JANUARI – DISEMBER 2023

BULAN	JUMLAH PESAKIT DALAM		JUMLAH PESAKIT LUAR		JUMLAH KESELURUHAN (PESAKIT DALAM + PESAKIT LUAR)	
	PESAKIT	RAWATAN	PESAKIT	RAWATAN	PESAKIT	RAWATAN
JANUARI	54	252	108	538	162	790
FEBRUARI	53	250	101	509	154	759
MAC	81	414	98	500	179	914
APRIL	55	253	93	460	148	713
MEI	54	248	110	550	164	798
JUN	67	329	88	427	153	756
JULAI	29	145	89	468	118	613
OGOS	13	65	86	461	99	526
SEPTEMBER	20	95	97	510	117	605
OKTOBER	30	176	112	592	148	768
NOVEMBER	45	235	99	531	144	766
DISEMBER	47	222	97	519	144	741
JUMLAH	548	2684	1178	6065	1724	8749


PENCAPAIAN SEBENAR JUMLAH PESAKIT UNIT FISIOTERAPI HOSPITAL KANOWIT PADA TAHUN 2023




PENCAPAIAN SEBENAR JUMLAH RAWATAN UNIT FISIOTERAPI HOSPITAL KANOWIT PADA TAHUN 2023



**PERBANDINGAN PENCAPAIAN SEBENAR BEBAN
KERJA UNIT FISIOTERAPI HOSPITAL KANOWIT
DARI TAHUN 2015-2023
JUMLAH PESAKIT MENGIKUT DISIPLIN**



**PERBANDINGAN PENCAPAIAN SEBENAR BEBAN
KERJA UNIT FISIOTERAPI HOSPITAL KANOWIT DARI
TAHUN 2015-2023
JUMLAH RAWATAN MENGIKUT DISIPLIN**



ULASAN

Sepanjang tahun 2023, bilangan pesakit yang menerima rawatan pesakit luar di Unit Fisioterapi tidak jauh berbeza dengan bilangan pesakit pada tahun 2022. Terdapat sedikit peningkatan berbanding tahun 2022. Kebanyakan kes yang mendapatkan rawatan fisioterapi ialah bagi kes muskuloskeletal dan neurologi (contoh: strok).

Pada tahun 2023, purata kes pesakit luar baru (*new referral*) yang dirujuk ke Unit Fisioterapi ialah sebanyak 2 pesakit baru sehari. Mereka akan diberi temujanji pertama dalam masa 10 hari bekerja. Tempoh temujanji bagi kes rawatan susulan yang diberi pula ialah sekitar 2-3 minggu sekali. Tempoh seperti 3 minggu sekali ini adalah kerana terdapat pesakit yang mempunyai masalah logistik (rumah panjang terletak jauh dari hospital, ada yang terpaksa menggunakan perahu untuk ke pekan Kanowit) atau masalah kewangan kerana terpaksa membayar kadar tambang van yang mahal ke Hospital Kanowit. Oleh itu, terdapat segelintir pesakit yang tidak dapat hadir menjalani sesi terapi dengan kerap. Bagi kes seperti ini, Unit Fisioterapi akan memberi banyak home exercise programme dan pamphlet senaman agar pesakit dapat melakukan terapi senaman di rumah sementara menunggu tarikh terapi susulan seterusnya.

Untuk pesakit dalam pula, terdapat penurunan dari segi bilangan pesakit yang dirujuk dan dirawat oleh fisioterapi. Ini adalah kerana tidak banyak pesakit yang dirujuk ke Fisioterapi. Kes-kes kecemasan biasanya akan dirujuk ke Hospital Sibu dan oleh sebab itu, tidak ramai kes dimasukkan ke wad di Kanowit. Oleh kerana Hospital Kanowit merupakan hospital Kluster bagi zon tengah, terdapat kes step down dari Hospital Sibu terutamanya kes yang memerlukan *continuous nursing care*, kes yang tidak dapat dikesan waris atau kes yang memerlukan rawatan antibiotik yang berpanjangan (pelbagai kes TB).

Untuk sesi terapi pesakit dalam ini, ahli fisioterapi akan menjalankan sesi terapi di dalam wad setiap hari sebanyak sekali sehari. Bagi kes yang memerlukan "suction" atau kes "*prolonged bed ridden*", ahli fisioterapi biasanya akan merawat pesakit dua kali sehari bagi mengelakkan sebarang komplikasi kardiorespiratori dan juga komplikasi akibat penempatan di wad yang terlalu lama (contoh: *bed sore*, *muscle contracture* dan *joint stiffness*).

PENGURUSAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN PEMBELIAN ASET FISIOTERAPI

Peruntukan Modal Insan.

Aktiviti	Agihan	Perbelanjaan Sebenar	Baki
21000	tiada		
27000	tiada		
29000	tiada		

- Tiada peruntukan modal ihsan pada tahun ini.

Aset Perubatan

- Pada tahun ini tiada diberi peruntukkan untuk pembelian aset perubatan. Setiap tahun permohonan aset dibuat. Berikut adalah senarai aset yang diminta.
 1. Ultrasound & Electrotherapy Unit With Vacuum Sonopus
 2. Paraffin Wax Bath
 3. Thermo Moist Heat Unit
- Akan tetapi, Pengarah Hospital menyarankan supaya aset perubatan ini diminta melalui sistem CPRC. Pada tahun ini, permohonan aset perubatan melalui CPRC belum lagi dibuat dan akan dilaksanakan pada awal 2024.

PENGURUSAN ASET INVENTORI DAN HARTA MODAL

Pencapaian :

- Tidak ada kehilangan aset semasa dilaporkan untuk tahun 2023
- PPM telah dipastikan dijalankan mengikut tempoh yang dijadualkan.
- Terdapat 1 alat penghawa dingin yang kerap rosak dan terpaksa dibaiki oleh pihak OMC.
- Walaubagaimanapun, terdapat banyak aset – aset unit Fisioterapi telah melebihi usia 10 tahun. Berikut adalah senarai asset tersebut:

Aset	Tahun Dibeli	Status
Heating Pan for Splinting (diubahsuai untuk merendam hotpack)	2001	Selalu mengalami kerosakan tetapi masih dapat dibaikpulih. Dalam dilemma untuk memohon status BER kerana jika rosak pihak FABER tidak akan menyelenggara alat ini. Permohonan untuk membeli hydrocollator tidak Berjaya pada tahun lepas.
Bobath Couch	2001	Dalam keadaan baik
Bicycle (2 unit)	2000	1 unit sudah mendapat status BER manakala 1 unit lagi dalam proses permohonan BER.
Vestibular Board	2000	Dalam keadaan baik
Parallel Bar	2001	Dalam keadaan baik
Suspension Frame with Accessory	2001	Dalam keadaan baik

Woodwn Corner Staircase	2001	Dalam keadaan baik
-------------------------	------	--------------------

➤ Pada tahun 2023, Unit Fisioterapi telah menerima 2 aset sumbangan (donation) pada bulan Mei 2023, daripada Kolej Ita Sibu (telah berhenti pengoperasian). Aset tersebut ialah

- Ultrasound therapy system dari Acuson Plus, berjumlah RM2000.00, telah selesai T&C oleh pihak OMC pada 15.11.2023. Telah didaftar di sistem SPA dengan nombor aset KKM/JKN/HKAN/13-12-01/H/23/12.
- ITO Pulsed and continuous Shortwave Therapy SW-1000 dari ITO, berjumlah RM8000.00 selesai T&C oleh pihak OMC pada 15.11.2023 dan telah didaftar di sistem SPA dengan no aset KKM/JKN/HKAN/13-12-01/H/23/11.

Peruntukan Bukan APPL

- Pada tahun ini peruntukan berjumlah RM8000.00 telah diturunkan. Jumlah ini dibahagikan dengan Unit Terapi Crakerja sebanyak RM4000.00 setiap unit.

Bil.	Butir - butir Barang/Perkhidmatan Yang Diperlukan	Harga Seunit (RM)	X unit dibeli	Jumlah
1	Relief Pak Terry cover size: Standard 27" x 19.5"	RM133.00	5	RM665.00
2	Terry cover for thermal pack size: neck 9" x 25"	RM128.00	3	RM384.00
3	Baseline Finger Goniometer- metal standard 6 inch	RM223.00	1	RM223.00
4	Sanctband resistive band orange 50 yards	RM362.00	1	RM362.00
6	Sanctband resistive band peach 50 yards	RM311.00	1	RM311.00
7	Baseline metal 180deg goniometer	RM360.00	1	RM360.00

8	Relief Pak reusable cold pack standard	RM81.00	5	RM405.00
9	Disposable mouthpiece for peak flow meter, pack of 100pcs	RM58.00	2	RM116.00
10	Blue vinyl coldpack (size: neck 6" x 23")	RM86.00	5	RM430.00
11	Blue vinyl coldspot ice pack (size: slim 3" x 11")	RM40.00	5	RM200.00
12	Bola senaman Foam Ball Hand Exerciser	RM21.00	20	RM420.00
JUMLAH BESAR				RM3876.00

➤ Berikut merupakan konsumabel yang telah dibeli sepanjang tahun 2023.

KURSUS YANG DISERTAI KAKITANGAN AHLI FISIOTERAPI PADA TAHUN 2023

Kursus Penyediaan Indera PHS Dan Tindakan Pengurusan Stor Anjuran Unit Farmasi Hospital Kanawit
Kursus Keselamatan Pengubatan Anjuran Unit Farmasi Hospital Kanawit
Kursus Refresher Bagi Kumpulan Sokongan Penyusunan Ibu Peringkat Daerah Kanawit
Kursus Pediatik Neurologi Anjuran Unit Fisioterapi Hospital Umum Sarawak
Kursus Baby Friendly Hospital Initiative Bagi Kumpulan Sokongan Dan


**LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DISERTAI OLEH UNIT
FISIOTERAPI DI HOSPITAL KANOWIT**


Program Trim And Fit Peringkat Hospital Kanowit
Penceramah bagi Kursus Wound Care Peringkat Hospital Kanowit
Aktiviti Senamrobik Kursus Jururawat Idamanku Tahun 2023
Pesta Kanowit Tahun 2023 - Kanowit Fun Run Anjuran Hospital Kanowit
Minggu Malaysian Patient Safety Goal (MPSG) Week - Aktiviti Pameran.
Program Ramah Tamah Hari Raya dan Hari Gawai Hospital Kanowit Tahun 2023
Sambutan World Physiotherapy Day 2023 Peringkat Negeri Sarawak, anjuran Unit Fisioterapi Hospital dan Klinik Kesihatan Zon Tengah Sarawak di Hospital Sibul
CME Internal Unit Fisioterapi
CME untuk kakitangan Hospital Kanowit

**KURSUS YANG DISERTAI KAKITANGAN AHLI FISIOTERAPI PADA
TAHUN 2023**

Kursus Penyediaan Inden PHIS Dan Tatacara Pengurusan Stor Anjuran Unit Farmasi Hospital Kanowit
Kursus Keselamatan Pengubatan Anjuran Unit Farmasi Hospital Kanowit
Kursus Refresher Bagi Kumpulan Sokongan Penyusuan Ibu Peringkat Daerah Kanowit
Kursus Pediatrik Neurologi Anjuran Unit Fisioterapi Hospital Umum Sarawak
Kursus Baby Friendly Hospital Initiative Bagi Kumpulan Sokongan Dan

Bukan Klinik Hospital Kanowit
Kursus Sports Taping Anjuran Unit Fisioterapi Hospital Miri
Kursus Exercise Testing And Prescription Anjuran Unit Fisioterapi Hospital Sibul Dan Unit Fisioterapi Kesihatan Awam Bahagian Sibul
Kursus Budaya Korporat Tahun 2023
Kursus Physiotherapy Management In Obesity Anjuran Fisioterapi Negeri Kedah (Vc)
Kursus Lower Limb Amputee Rehabilitation Workshop Tahun 2023 Anjuran Jabatan Rehabilitasi Hospital Sibul


 Pengarah Hospital
 Tahrir: 25/1/2024


 (Stella Lis Anak Jaffe Wind Mapus)
 Juru Bilik Perubatan Fisioterapi USR
 Tahrir: 25-1-2024

MASALAH YANG DIHADAPI

1. Aset Perubatan yang sudah usang dan terhad. Kebanyakan aset perubatan di Unit Fisioterapi sudah lama, walaupun masih boleh digunakan. Selain itu, aset perubatan adalah terhad di Unit Fisioterapi. Berikut merupakan aset perubatan yang Unit Fisioterapi Hospital Kanowit akan memohon pada tahun 2024. Sebagai cadangan penyelesaian bagi masalah ini, aset perubatan akan dipohon melalui sistem MPIS.

Alatan/Modaliti	Justifikasi
Paraffin Wax bath	Untuk mengurangkan kesakitan, melancarkan aliran darah dan melegakan otot – otot yang tegang (<i>relax the muscles</i>). Digunakan pada bahagian tangan/jari, siku dan pergelangan kaki/jari kaki. Sangat sesuai untuk kesakitan pada tangan/jari tangan dan pergelangan kaki/jari kaki kerana salutan lilinnya akan menyelaputi setiap bahagian berkenaan apabila dicelup ke dalam larutan wax itu.
Tilt Table	Untuk pesakit strok, <i>spine injury</i> , CBR dan kondisi lain dimana pesakit mengalami kesukaran untuk berdiri atau tidak boleh berdiri. Alat ini akan membantu pesakit untuk berdiri dan membolehkan mereka menjalani senaman <i>joint approximation, improve blood circulation, mobilizing and strengthening exercise</i> .
Thermo Moist Heat Unit (Hydrocollator)	Menggantikan heating pan yang lama dan tidak berfungsi dengan baik lagi. Alat ini penting untuk rawatan pesakit dan merupakan alat rawatan asas bagi rawatan Fisioterapi.

Disediakan oleh:



STELLA LIS ANAK JOEFFELWIND
Jurupuluh Perub. Fisioterapi U29
Hospital Kanowit

(Stella Lis Anak Joeffelwind Mapus)

Jurupuluh Perubatan Fisioterapi U29

Tarikh: 29.3.2024

Disemak oleh:


DR. BERNADETTE SYONNIA BT. JARU SAWAT
PENGARAH HOSPITAL,
HOSPITAL KANOWIT,
MMC NO.61590

Pengarah Hospital

Tarikh: 25/3/2024